

Qalam

KDN 434

16 Jamādi al-Akhir / Rajab 1383, November 1963. 60¢

Perkara Kafir Mengkafirkan

Telah banyak benar perbahasan yang timbul mengenai pengertian ayat al-Qur'ān di dalam Surah Āli 'Imrān 28 dan beberapa ayat yang lain yang menegah seorang mukmin menjadikan orang kafir menjadi walinya. Berbagai pendapat timbul terutamanya apabila persoalan ini dikaitkan dengan kedudukan badan siasah yang dianut masing-masing.

Di dalam persoalan yang mengenai agama dan pentafsir ayat-ayat seperti ini harus banyak pula campur orang-orang yang tidak cukup mengerti persoalannya; dan banyak pula sentimen-sentimen yang timbul di dalam membahas persoalan-persoalan agama tersebut.

Akibat daripada ini orang ramai telah jadi bingung terutamanya apabila di dalam persoalan itu tidak dibahas dengan sempurna dan cukup hujah-hujahnya dan alasan-alasan yang boleh dijadikan sandaran di dalam masalah ini.

Untuk menjauhkan, atau sekurang-kurangnya untuk menjadi sandaran orang ramai, maka wajiblah Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong mengadakan suatu *lajnah al-fatwā* yang anggotanya terdiri mufti-mufti di seluruh

Malaysia dengan dari satu ke satu masa memberi fatwa-fatwa yang konkrit yang berdasarkan dengan alasan-alasan muktamad. Fatwa-fatwa daripada *lajnah al-fatwā* itu hendaklah disiarkan kepada umum supaya orang ramai jangan terkeliru; sedang sebaliknya fatwa-fatwa yang diberi itu hendaklah mengupas daripada segala segi di atas masalah-masalah itu dengan sehalus-halusnya.

Kita telah pun beberapa kali menganjurkan akan adanya *lajnah* ini. Kita memandang bahawa yang demikian ini sangat perlu supaya tiap-tiap persoalan yang timbul segera diberi fatwanya untuk umum dengan hujah-hujah yang tepat. Dengan itu sekurang-kurangnya orang awam akan mendapat panduan. Perhatikan di dalam beberapa peristiwa yang bertentangan di antara satu dengan lain, berbahas panjang-panjang umpamanya di dalam mengharamkan kitab *Ibadat Rasulullah*, persoalan loteri, persoalan kitab al-Shaykh Abdul Qadir Mandili dan banyak lain-lain soal. Semuanya ini berkhajat¹ kepada penjelasan dengan hujah-hujah dan keterangan-keterangan yang tepat dengan menjauhkan sentimen-sentimen yang boleh merosakkan fikiran umum.

* * *

Sudah Tiba Masa

Beberapa orang Islam di Singapura telah dituduh dan dijatuhkan hukuman denda dan penjara oleh majistret di Singapura kerana didapati salah di dalam bersumpah palsu di dalam kenyataan kepada Mahkamah Syariah bahawa ia tidak ada mempunyai isteri lalu mahkamah telah meluluskannya berkahwin lagi.

Kejadian ini ada terjadi bagi orang-orang yang

¹ Perkataan sebenar ialah berkhajat.

sememangnya ada di sini dan harus ada pula bagi orang-orang yang bertahun-tahun hidup di sini, tetapi ada mempunyai isteri di tanah airnya yang asal.

Mungkin orang-orang ini telah terpaksa berbuat begitu kerana melepaskan kesulitan-kesulitan atas peraturan-peraturan yang dijalankan oleh Mahkamah Syariah di Singapura.

Peraturan yang dijalankan mungkin dijalankan salah mengikut dasar undang-undang peraturan bagi orang-orang Islam kerana di dalam undang-undang itu hanya ada menyebutkan bahawa hanya *Chief Kadi* sahaja yang boleh mengkahwinkan seseorang lelaki yang ada mempunyai isteri dengan syarat “jika ia berpuas hati yang demikian itu tidak bertentangan dengan syarak Islam”.

Kita telah banyak menulis tentang kelulusan syarak membenarkan berkahwin lebih daripada satu. Kita juga telah banyak menerangkan tentang “adil” yang dikehendaki oleh syarak dengan didasarkan kepada kitab Allah dan sunnah serta pengertian-pengertian mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah tetapi apa yang dijalankan oleh Mahkamah Syariah sekarang “menyekat” adanya perkahwinan lebih daripada satu itu adalah menurut penyelidikan kita bertentangan dengan kelulusan syarak dan menurut pandangan kita dengan sendirinya peraturan dan cara yang dijalankan itu adalah tidak didasarkan mengikut undang-undang negeri. Dengan itu kita ingin hendak tahu dengan dasar apakah mahkamah itu dijalankan untuk menghukum atau mentadbirkan perkara nikah kahwin orang-orang Islam di Singapura?

Orang-orang yang muhajir atau orang-orang Islam yang telah bermastautin datang ke mari bertahun-tahun seorang dirinya, tidak ada tegahan syarak sama sekali untuk

ia berkahwin lagi dengan tidak disyaratkan atas kebendaan asakan² kedua-dua pihak telah bersetuju kerana dasar perkahwinan orang-orang Islam bukanlah di atas kebendaan.

Siapakah akan menanggung, sekiranya ia hendakkan beristeri dengan jalan halal dan diluluskan oleh syarak lalu ditegah dan ia tidak dapat menahan dirinya lalu berzina? Adakah kesalahan ini akan disalahkan hanya kepada dirinya sedang Mahkamah Syariah yang menyulitkan perkara nikah kahwin itu tidak bertanggungjawab?

Kita yakin perbuatan-perbuatan yang terpaksa menjadikan seseorang itu terpaksa bersumpah bohong mengatakan tidak ada beristeri sehingga ada yang dihukum penjara itu tidak lain adalah kerana hendak menjauhkan diri daripada zina. Kita mengetahui sehingga ada orang yang telah bermastautin di sini empat lima tahun terpaksa menghindarkan diri kahwin ke lain daerah, di luar Singapura, kerana sekatan-sekatan yang dibuat bahkan akhirnya orang ini pun kena siasat sebab kononnya ada komplain dari keluarga isteriya yang tua bahawa ia ada isteri lagi. Apakah Mahkamah Syariah sehingga menghalang perkahwinan lagi satu dengan tidak didasarkan lebih dahulu dengan undang-undang? Kita mengadakan pertanyaan ini kerana sepanjang yang kita tahu di dalam undang-undang tidak ada menyekat atas perkahwinan orang yang ada mempunyai isteri – hanya pernikahannya dilakukan oleh *Chief Kadi* setelah berpuas hati bahawa perkahwinan itu tidak bertentangan dengan syarak.

Berhubung dengan Singapura telah menjadi salah satu anggota Malaysia, maka sudah sepatutnya umat

² Perkataan sebenar ialah ‘asalkan’

Islam di Singapura bersatu dan berdiri tegas bersama-sama untuk mengadakan bantahan-bantahan terhadap adanya undang-undang Islam bertentangan dengan undang-undang syarak yang dihukumkan orang-orang Islam Singapura patuh kepadanya itu. Perbuatan menyekat perkahwinan lebih daripada satu yang berjalan sekarang, walau bagaimanapun bentuknya sekalipun wajib dibantah; undang (1957) mengenai perkara bercerai: tidak boleh bercerai kalau tidak ada persetujuan isteri itu iaitu sifatnya sama dengan undang-undang Kristian mestilah dituntut supaya dimansuhkan. Kita wajib memohon kepada Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong supaya tidak ada undang-undang yang dijalankan terhadap kepada umat Islam yang bertentangan atau menutup atau menyekat kelulusan dan kemudahan yang diberi oleh syarak Islam.

Ingatlah bahawa tiap-tiap umat Islam kelak akan ditanya tanggungjawabnya jika mereka tidak bersatu di dalam mendirikan hak dan kemuliaan agamanya.

Majlis Penasihat Islam Kerajaan Singapura
Kedudukan Majlis Penasihat Islam Kerajaan Singapura adalah sebuah majlis yang besar ertinya sama ada kepada kerajaan dan kepada umat Islam sebab kepada Majlis Islam itulah kerajaan meminta nasihat-nasihatnya mengenai perkara-perkara umat Islam sama ada mengenai agamanya atau pun perkara-perkara yang berkaitan dengan mereka atau pun perkara-perkara yang mengenai hal ehwal undang-undang.

Demikian juga kepada umat Islam, majlis itu besar ertinya, sebab perihalnya di dalam soal-soal yang mengenai hal ehwal mereka dengan kerajaan adalah

diwakili atau disuarakan oleh mereka. Jadi terangnya: badan itulah yang iktiraf oleh kerajaan sebagai badan yang sah untuk suara umat Islam atau tempat “muktamad” kerajaan bertanya mengenai perkara-perkara Islam.

Ahli-ahli bagi majlis itu dipilih tiap-tiap tahun. Pilihan itu dikemukakan oleh majlis itu kepada kerajaan dan kemudian lantikan itu, apabila disetujui atau pun ada pindaannya, lalu dirasmikan lantikan oleh Yang Dipertuan Negara Singapura di dalam warta kerajaan. Dengan ini maka terlantiklah di dalamnya orang-orang “yang difikirkan patut” oleh mereka sahaja sedang orang-orang yang tidak bersesuaian, tidaklah akan diharap akan mendapat lantikan. Beginilah seterusnya sepanjang yang kita ketahui majlis itu dijalankan bertahun-tahun semenjak dari zaman penjajahan sehingga kepada zaman merdeka dan bersatu di dalam Malaysia sekarang.

Dengan cara ini zahir bahawa sesuatu lantikan untuk menjadikan seseorang itu ahli majlis yang menjadi tempat kerajaan meminta nasihatnya di dalam perkara yang mengenai hal ehwal umat Islam, terutamanya hukumnya, hanya dilantik oleh mereka sedang badan-badan Islam tidak pun diminta fikirannya. Bahkan menurut pendapat kita sekurang-kurangnya badan-badan Islam mestilah diminta fikirannya atas tiap-tiap sesuatu lantikan.

Juga tidaklah seyogianya ada yang menjadi ahli majlis itu orang-orang kerajaan, ertinya pegawai-pegawai kerajaan yang *mas'ūl*. Kalau pendapat mereka dikehendaki di dalam sesuatu masalah maka mereka memadailah hanya diminta datang untuk menerangkan sesuatu tetapi tidak seperti